

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
**DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD ANUAR BIN MOHD
TAHIR**
KAWASAN : TEMERLOH

SOALAN NO. 308

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tentang keperluan pengaktifan Jawatankuasa Penswastaaan Lebuh Raya untuk mengkaji semula arah tuju projek inisiatif swasta dan bilakah Kementerian akan melaporkan hasil kajiannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Penswastaan Kementerian Kerja Raya (JKPKKR) telah ditubuhkan bagi menggantikan Jawatankuasa Pelaksanaan Projek Penswastaan (JKPPP) Kementerian Kerja Raya (KKR) dan surat edaran berhubung penubuhan JKPKKR telah diedarkan kepada semua ahli jawatankuasa yang dilantik pada 9 Julai 2020.

Objektif penubuhan JKPKKR adalah bagi membincangkan dan memutuskan hala tuju bagi isu-isu melibatkan projek penswastaan sedia ada dan menjadi *entry point* dalam membuat keputusan dasar kepada permohonan dan pelaksanaan cadangan projek penswastaan melibatkan projek-projek di bawah bidang kuasa KKR. Keahlian Jawatankuasa ini melibatkan Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kewangan, Unit Kerjasama Awam Swasta, JPM dan EPU.

Sekian, terima kasih.